



**SIARAN AKHBAR**  
**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**  
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

1. Merujuk Siaran Akhbar Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bilangan IMM/PPA/PRO/13/Pt.2 bertarikh 14hb. September 2022.
2. Bermula pada **Hari Isnin, 14hb. Rabiulawal 1444 bersamaan 10hb. Oktober 2022**, JIPK akan membukakan pendaftaran **Kad Pengenalan berwarna Hijau** iaitu bagi permohonan baru, membaharui, dan menggantikan kad pengenalan yang rosak atau hilang.
3. Bagi pendaftaran di Ibu Pejabat, pemohon-pemohon bolehlah membuat temujanji melalui Aplikasi *Que-Up* atau secara *walk-in* ke Kaunter Bahagian Pendaftaran Kad Pengenalan di Aras Bawah, Bangunan JIPK. Manakala di Pejabat-Pejabat cawangan adalah secara *walk-in*.
4. Masa Kaunter Perkhidmatan bagi pendaftaran dan pengambilan kad pengenalan di Ibu Pejabat JIPK, pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula pada jam 7.45 pagi hingga 4.00 petang, manakala di Pejabat-Pejabat cawangan bermula pada jam 7.45 pagi hingga 11.00 pagi, dan 1.30 petang hingga 4.00 petang. Dalam pada itu kaunter-kaunter juga dibuka pada setiap hari jumaat bermula pada jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.
5. JIPK sukacita menasihatkan orang ramai untuk melengkapkan borang permohonan dan membawa dokumen-dokumen berkaitan bagi melancarkan proses pendaftaran. Adalah juga diperingatkan untuk memastikan kesemua individu yang hendak membuat permohonan Kad Pengenalan untuk menghadirkan diri semasa pengambilan nombor giliran diberikan.
6. Borang pendaftaran boleh dimuat turun melalui laman sesawang JIPK [www.immigration.gov.bn](http://www.immigration.gov.bn).

**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**  
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

Tarikh : 08 Rabiulawal 1444H bersamaan 04 Oktober 2022

Rujukan : IMM/PPA/PRO/13/Pt2